

MEMASYARAKATKAN KAJIAN MORFOLOGI DALAM DUNIA MELAYU

Zaharani Ahmad

Abstrak

Memasyarakatkan kajian morfologi bermaksud menyebarkan sesuatu kajian morfologi agar maklumat mengenainya dimaklumi, diketahui, difahami, dihayati dan diamalkan secara menyeluruh oleh masyarakat. Dalam usaha memasyarakatkan kajian morfologi ini, dua perkara penting yang perlu diberi penekanan ialah (i) mengenal pasti jenis kajian morfologi yang ingin dimasyarakatkan, dan (ii) mengenal pasti cara dan kaedah yang sesuai untuk menyebarkan kajian morfologi tersebut. Dalam konteks pemasyarakatan bahasa, kajian morfologi yang dijangka mudah tersebar dan meresap masuk ke dalam jiwa masyarakat adalah kajian yang menghurai dan menjelaskan bahasa yang diketahui dan disenangi oleh pengguna bahasa itu sendiri, iaitu pertuturan yang lazim mereka dengar dan gunakan dalam kehidupan seharian. Sehubungan itu juga, kajian morfologi yang ingin dimasyarakatkan itu mestilah kajian yang dapat memantapkan lagi ilmu linguistik Melayu yang sedia ada. Kajian morfologi yang dapat menepati gagasan ini adalah kajian yang menerapkan dua pendekatan berikut, iaitu (i) linguistik korpus, dan (ii) linguistik hipotetiko-deduktif. Dalam konteks menyebarkan hasil kajian pula, sekurang-kurangnya terdapat empat cara yang munasabah yang boleh dilaksanakan, iaitu (i) penyebaran melalui persidangan, (ii) penyebaran melalui penerbitan, (iii) penyebaran melalui pengajaran, dan (iv) penyebaran melalui portal.

Abstract

Disseminating morphological researches to the society means to spread out the facts about the studies so that they can be known, recognized, comprehended, and generally practiced by the community. There are two important issues that need to be emphasized in disseminating morphological researches, namely (i) identifying the types of studies

MEMASYARAKATKAN KAJIAN MORFOLOGI DALAM DUNIA MELAYU

that intended to be disseminated, and (ii) identifying the appropriate ways and methods used to disseminate the studies. In the contexts of language and socialization, the morphological studies that can predictably spread and infiltrate easily into the community are the ones that describe and explain the language that is familiar to them, that is the language that they normally hear and use in their daily life. In addition, the study that is meant to be disseminated must be the one that can enhance the development of Malay linguistics knowledge. Morphological studies that can accomplish these fundamental notions are those that employed the following approaches, namely (i) corpus linguistics, and (ii) hypothetico-deductive linguistics. In the contexts of disseminating the findings, there are four possible strategies that can be implemented, (i) dissemination through conferences, (ii) dissemination through publications, (iii) dissemination through teaching, and (iv) dissemination through portal websites.

PENDAHULUAN

Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), kata “memasyarakatkan” diberi pengertian sebagai “memperkembangkan dan menyebarkan sehingga meresap ke dalam masyarakat, menjadikan tersebar (terkenal dsb) di kalangan masyarakat, meluaskan pengetahuan tentangnya atau penggunaannya dsb di kalangan masyarakat”. Berdasarkan penghuraian di atas, kata memasyarakatkan membawa maksud menyebarluaskan sesuatu agar maklumat mengenainya dimaklumi, diketahui, difahami, dihayati dan diamali secara menyeluruh oleh masyarakat. Dalam konteks kertas kerja ini, apa yang ingin dimasyarakatkan ialah kajian morfologi bahasa Melayu, dan sasarannya ialah manusia di dunia Melayu.

Morfologi pula ialah satu cabang ilmu yang mengkaji struktur dan bentuk kata, terutamanya melalui penggunaan konstruksi morfem (Crystal, 1980). Seperti dalam bidang sintaksis dan fonologi, kajian morfologi juga sentiasa berkembang dari semasa ke semasa dengan pelbagai teori dan model baharu untuk menghurai dan menjelaskan perilaku morfologi yang berlaku dalam pelbagai bahasa. Setiap bahasa itu mempunyai cara dan kaedahnya yang tersendiri untuk menjana dan menerbitkan perkataan dalam sistem nahunya.

Kajian tentang morfologi bahasa Melayu telah banyak dilakukan sebelum ini dan kebanyakan daripada hasil kajian tersebut telah pun diterbitkan. Antaranya termasuklah hasil kajian Za'ba (1947, 2000)

ZAHARANI AHMAD

Asmah (1980), Arbak (1981), Liaw (1985), Asraf (1989), Abdullah (1974), Abdullah (1986), Nik Safiah dan rakan-rakan (1989), Hashim (1993), Zaharani (2005), Syed Zainal (2005) dan lain-lain. Selain penerbitan dalam bentuk buku, hasil kajian morfologi juga banyak diterbitkan dalam bentuk artikel atau makalah yang dimuatkan dalam *Jurnal Dewan Bahasa* dan *Jurnal Bahasa*. Sekadar menyebut beberapa nama, antara makalah tersebut dihasilkan oleh Arbak (1976), Ajid (1981), Harimurti (1981), Zaharin (1989), Darwis (1994), Zaharani (1990, 1992, 2000 & 2001), Zubaidi (2000), Mashudi dan Syed Zainal (2006), Maizatul Akmar (2001), Zaiton dan Nor Hashimah (2005).

Zaharani (2007) mengkategorikan hasil kajian morfologi bahasa Melayu kepada dua, iaitu kajian bersifat deskriptif dan kajian bersifat teoretis. Kajian deskriptif bermaksud sesuatu kajian itu lebih mengutamakan aspek penghuraian yang memperincikan perkara-perkara yang berhubungan dengan penjenisan dan penggolongan (contohnya, jenis-jenis proses morfologi, jenis-jenis pengimbuhan, jenis-jenis penggandaan, jenis-jenis pemajmukan, penggolongan kelas kata, dan lain-lain), dan kurang memberatkan aspek penjelasan. Kajian deskriptif juga tidak memperlihatkan kerangka teori yang digunakan dengan jelas dalam penganalisan datanya. Kajian teoretis pula mengutamakan aspek penjelasan yang menghujahkan bagaimana proses penerbitan kata yang gramatis itu dihasilkan. Kajian teoretis menerapkan kerangka teori tertentu dan mengemukakan rumus-rumus formal yang beroperasi dalam sistem morfologi bahasa Melayu.

Oleh sebab kajian tentang morfologi bahasa Melayu telah banyak dilakukan, satu persoalan yang timbul ialah perlukah pengkajian ini diteruskan dan dimasyarakatkan? Sekiranya perlu, kajian apa, mengapa dan bagaimana yang harus dilakukan? Setelah kajian dibuat dan hasil dapatan diperoleh, bagaimanakah pula caranya kita memasyarakatkan dapatan tersebut? Inilah persoalan pemarkah kajian morfologi bahasa Melayu yang ingin dikupas, diulas dan dibahas oleh kertas kerja ini.

Pada hemat saya, pengkajian morfologi bahasa Melayu perlu terus dilakukan kerana ini akan memperkembangkan dan mempertingkatkan ilmu linguistik Melayu. Pengembangan dan pembinaan ilmu secara berterusan akan memantapkan lagi pengetahuan kita tentang sistem nahu bahasa Melayu. Kajian morfologi yang saya rasakan dapat membina dan mengembangkan penajaan ilmu harus menerapkan dua pendekatan yang berikut, iaitu (i) pendekatan linguistik korpus, dan (ii) pendekatan linguistik hipotetiko-deduktif.

Pendekatan Linguistik Korpus

Linguistik ialah bidang ilmu yang mengkaji bahasa secara saintifik. Kajian yang bersifat saintifik haruslah berdasarkan data atau korpus yang empiris sifatnya. Kajian bahasa kini tidak lagi berdasarkan data buatan menurut intuisi pengkaji semata-mata, tetapi berasaskan data penggunaan sebenar daripada masyarakat penutur dalam pelbagai konteks dan wacana penulisan (Leech, 1992). Data korpus ialah data yang sahih, autentik dan kontemporari sifatnya. Kajian linguistik yang memanfaatkan data seperti ini dikenali sebagai linguistik korpus, iaitu kajian yang menggunakan komputer sebagai alat untuk menyimpan, memproses dan menjana data yang besar yang menjangkau sehingga angka ratusan juta perkataan (Biber, Conrad dan Reppen, 2004).

Kehadiran teknologi komputer yang canggih hari ini menjadikan urusan penyimpanan data korpus lebih mudah dan selamat. Teknologi komputer bukan sahaja mampu menyimpan korpus bahasa yang besar, malah boleh membantu manusia mencapai data dan maklumat dengan cepat dan tepat. Pengkaji bahasa hari ini harus memanfaatkan perkembangan teknologi ini untuk menghasilkan satu huraian nahu yang bersifat mesra pengguna yang dikenali sebagai nahu praktis. Nahu praktis ialah nahu yang bersifat deskriptif yang menghuraikan sistem dan peraturan kebahasaan berdasarkan penggunaan sebenar bahasa seperti yang dipraktikkan oleh penuturnya dalam pelbagai konteks dan wacana penulisan seperti yang terkandung dalam data korpus (Zaharani, 2006). Penghasilan nahu praktis berdasarkan data korpus komputer telah dilakukan oleh negara-negara maju di Barat, seperti Belanda, Itali, Sweden, Czech dan Jerman. Justeru, kita juga perlukan satu pendeskripsian nahu praktis untuk rujukan pengguna bahasa Melayu di Malaysia.

Sebenarnya, kerja pengumpulan korpus telah pun dilakukan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia sejak tahun 1995 lagi. Korpus yang terkumpul sehingga Disember 2006 berjumlah lebih kurang 115 juta kata (Zaidi, 2008). Korpus ini meliputi pelbagai koleksi penulisan wacana Melayu, seperti buku, jurnal, majalah dan surat khabar. Walaupun sudah lama wujud, data korpus DBP ini tidak dimanfaatkan semaksimumnya, dan hanya dirujuk oleh bahagian perkamusan sahaja. Aspek nahu yang berkaitan dengan korpus Melayu belum begitu banyak diteliti dan dikaji. Salah satu kajian yang meneliti dan menghuraikan beberapa aspek nahu bahasa Melayu dengan menggunakan data korpus DBP telah dilakukan oleh kumpulan


ZAHARANI AHMAD

penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam projek IRPA mereka yang bertajuk “Nahu Praktis Bahasa Melayu: Analisis Data Korpus Berkomputer”. Kajian ini kemudiannya diterbitkan dalam bentuk buku dan diberi tajuk *Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu* (Zaharani, 2006). Beberapa kajian lagi termasuklah kajian Zaidi (2008), Salina (2008) dan Mohd Ra'in (2003).

Pendekatan Linguistik Hipotetiko-Deduktif

Linguistik sebagai satu bidang ilmu yang bersifat saintifik melaksanakan kajiannya mengikut metodologi dan prosedur yang rapi agar dapatan yang ditemui itu menghasilkan satu penemuan yang baik dan berkualiti. Matlamat utama kajian sains ialah pemerolehan ilmu, yakni kita dapat memahami dan menjelaskan fenomena yang berlaku. Starosta (1987) menyatakan bahawa sesuatu kajian saintifik itu berpegang pada kaedah yang dinamakan hipotetiko-deduktif (*hypothetico-deductive methode*). Kaedah ini terdiri daripada empat tahap yang aktivitinya saling berhubungan dan bergerak dalam satu putaran, iaitu pemerhatian (*observation*), hipotesis (*hypothesis*), ramalan (*prediction*), dan ujian (*experiment*). Kaedah ini dilabelkan oleh Starosta (1987) sebagai berlian suci (*sacred diamond*) dan dirajhkannya seperti di bawah.

1. Kaedah hipotetiko-deduktif



Secara prinsipnya, kaedah ini bermula dengan penyelidik melakukan pemerhatian, iaitu dengan cara meneliti fenomena berdasarkan data yang telah dikumpulkan. Kemudian, penyelidik membuat satu hipotesis, yakni penjelasan secara tentatif tentang fenomena yang diperhatikan itu. Seterusnya, penyelidik membuat ramalan, yakni rumusan secara deduktif tentang penjelasan tadi. Akhirnya, penyelidik perlu memastikan bahawa ramalannya itu benar dan tidak dapat disanggah dengan mengujinya


MEMASYARAKATKAN KAJIAN MORFOLOGI DALAM DUNIA MELAYU

dengan data yang lebih komprehensif. Sekiranya berlaku percanggahan, penyelidik perlu mengkaji semula hipotesisnya dan mengulangi putaran tersebut sehinggalah tiada percanggahan fakta ditemui.

Teori nahu generatif yang dipelopori oleh Chomsky telah menerapkan paradigma saintifik hipotetiko-deduktif (*hypothetico-deductive scientific paradigm*) dalam pengkajiannya tentang bahasa. Langkah pertama, penyelidik akan membuat pemerhatian dengan cara meneliti data sesuatu bahasa untuk mendapatkan pola dan fenomena yang berkaitan dengan bahasa tersebut. Kemudian, penyelidik mengemukakan hipotesis untuk menjelaskan pola dan fenomena tersebut, dan hipotesis ini dikenali sebagai nahu atau tatabahasa. Daripada hipotesis ini dibina rumus-rumus derivasi formal yang meramalkan kemampuan penutur natif bahasa berkenaan membezakan bentuk yang gramatis dengan yang tidak gramatis.

Ramalan yang dibuat oleh rumus ini dijana daripada nahu bahasa berkenaan. Rumus ini kemudiannya perlu diuji dan disahkan kebenarannya berdasarkan data atau korpus bahasa yang lebih besar dan menyeluruh. Sekiranya setelah diuji, nahu itu membuat ramalan yang tidak tepat, maka nahu tersebut perlu dikaji semula dan diperbetulkan agar ramalannya sentiasa bertepatan dengan data sebenar dalam bahasa tersebut. Ramalan yang tidak tepat bermaksud nahu itu menjana bentuk yang tidak terdapat dalam bahasa tersebut dan ditolak oleh penutur natifnya, atau sesuatu bentuk itu wujud dalam bahasa tadi dan diterima oleh penutur natifnya tetapi tidak dapat diramal oleh nahu bahasa berkenaan. Berdasarkan kaedah saintifik hipotetiko-deduktif, proses pengkajian bahasa menurut Starosta (1987) adalah seperti yang berikut:

2. Linguistik hipotetiko-deduktif



Seperti yang telah dinyatakan, bagi ahli-ahli bahasa aliran linguistik generatif, nahu itu terdiri daripada sehimpunan (*set*) rumus. Rumus dalam bentuk derivasi formal ini berperanan untuk menghurai dan menjelaskan regulariti yang terdapat dalam bahasa. Pendeskripsian rumus dibuat berdasarkan penelitian ke atas data bahasa yang dikaji. Rumus memberikan suatu generalisasi linguistik tentang regulariti yang berlaku di dalam korpus.

Namun, harus disedari bahawa bahasa itu sesuatu yang bersifat rencam dan tidak seragam. Dalam penelitian bahasa, kadangkala para pengkaji tersua dengan sekumpulan data yang tidak mematuhi rumus yang disarankan. Dengan kata lain, apabila data tersebut diuji dengan rumus yang terdapat dalam nahu bahasa tersebut, hasilnya mengutarakan ramalan yang salah. Data seperti ini dikenali sebagai contoh lawan (*counter examples*) kepada rumus tersebut. Berdasarkan pendekatan hipotetiko-deduktif, pengkaji bahasa harus mengkaji semula rumus berkenaan. Daripada pengkajian semula ini mungkin satu rumus baru dapat dihasilkan. Sebagai contoh kita lihat proses pengimbuhan awalan *meN-* dengan kata dasar bersuku kata tunggal dalam bahasa Melayu.

Kebanyakan pengkaji dan ahli bahasa merumuskan bahawa morfem *meN*⁻¹ mempunyai enam bentuk varian dan penyebarannya ditentukan oleh faktor fonologi yang boleh dibahagikan kepada dua, iaitu (i) huruf awal sesuatu kata dasar, dan (ii) struktur suku kata kata dasar, yakni yang bersuku kata satu (Asmah, 1986, Nik Safiah, 1989, Asraf, 1989). Faktor pertama menentukan penyebaran varian *me-*, *mem-*, *men-*, *meny-* dan *meng-*, manakala faktor kedua menentukan penyebaran varian *menge-*. Perubahan *meN-* menjadi *menge-* berlaku tanpa mengira sama ada kata dasar tersebut kata asli atau kata pinjaman (Nik Safiah, 1989:110; Asmah, 1986:50 dan 121). Antara contoh yang diberikan termasuklah *mengebom*, *mengepam*, *mengepos*, *mengetin*, *mengelap*, *mengesyaki*, *mengesahkan* dan *mengecat*.

Namun, apabila rumus ini diuji dengan data dan maklumat yang terdapat di dalam kamus, seperti *Kamus Dewan* (1970, 1984 dan 1986), *Kamus Bahasa Malaysia* (Edisi Pelajar) (1984), dan *Kamus Pelajar Bahasa Malaysia* (Terbitan Khas KBSM) (1988) didapati ada kata dasar yang bersuku kata satu yang tidak menerima varian *menge-*, tetapi sebaliknya hadir bersama varian *meng-*. Misalnya, bagi kata dasar *had*, *khas* dan

1 Imbuhan nasal yang lain yang mempunyai penyebaran yang sama dengan awalan *meN-* ialah awalan *peN-* dan apitan *peN-an*.

MEMASYARAKATKAN KAJIAN MORFOLOGI DALAM DUNIA MELAYU

gam, kesemua kamus di atas mencatatkannya sebagai *menghadkan*, *mengkhaskan* dan *menggamkan*, dan bukannya sebagai *mengehadkan*, *mengekhaskan* dan *mengegamkan*². Data ini merupakan contoh lawan kepada rumus morfofonemik yang melibatkan varian *menge-* yang dikemukakan sebelum ini. Rumus tersebut telah membuat ramalan yang salah tentang perilaku morfologi bahasa Melayu. Persoalannya sekarang, bagaimanakah masalah percanggahan antara rumus dan korpus ini harus ditangani?

Kebanyakan pengkaji didapati berkecenderungan menerapkan penyelesaian yang bersifat preskriptif. Penyelesaian yang bersifat preskriptif atau normatif ialah satu pendekatan yang menekankan peraturan betul salah penggunaan bahasa dalam masyarakat. Pendekatan ini mementingkan keseragaman dengan tujuan untuk mewujudkan satu rumus atau peraturan yang standard. Dengan kata-kata lain, pendekatan preskriptif menekankan bahawa rumus nahu mesti bersifat regular dan harus sentiasa bertepatan dengan korpus tanpa sebarang kekecualian dan penyimpangan. Apabila rumus dan korpus itu tidak selaras, maka pengkaji akan menyeragamkan rumus dengan memperbetulkan korpus yang sedia ada.


Dalam kes kata *had*, *gam* dan *khas* di atas, bagi pengkaji bahasa aliran normatif, korpus asal seperti *menghadkan*, *menggam* dan *mengkhaskan* diubah dan diperbetulkan menjadi *mengehadkan*, *mengegam* dan *mengekhaskan*. Pembetulan dan perubahan biasanya dilakukan dalam bahan-bahan terbitan edisi baharu, misalnya *Kamus Dewan* (Edisi Baru) (1989) dan *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia* (Edisi Kedua) (1988).

Penyelesaian secara preskriptif tentunya bertentangan dengan pendekatan linguistik hipotetiko-deduktif. Justeru, hasil kajian seperti ini tidak menyumbang kepada pengembangan, peningkatan dan penambahbaikan ilmu linguistik Melayu. Sekiranya kita berpegang pada pendekatan linguistik hipotetiko-deduktif, maka bentuk *menghadkan*, *mengkhaskan* dan *menggam* harus diterima sebagai bentuk yang gramatis, dan pengkaji harus mengemukakan satu analisis morfofonologi yang baharu dalam sistem nahu bahasa Melayu.


2 Dalam kamus-kamus lain seperti *Kamus Pelajar Baru* (Edisi KBSM) (Arbak 1989), *Kamus Ejaan Bahasa Melayu* (Abdullah 1992), dan *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (1990) juga tercatat bentuk *menghadkan* dan bukannya *mengehadkan*. Za'ba (1953:2) juga dalam bukunya *Pelita Bahasa Melayu III* telah menggunakan bentuk *menghadkan* dan bukannya *mengehadkan*.

Zaharani (2006) telah mengemukakan analisis baharu yang menggunakan teori autosegmental model mora untuk menangani masalah morfonologi di atas. Beliau menegaskan bahawa rumus penyebaran varian *menge-* atau dari sudut fonologi dianalisis sebagai rumus penyisipan *schwa* bukan disebabkan oleh struktur satu suku kata, tetapi didorong oleh proses penyukuan kata (*syllabification*). Struktur suku kata bahasa Melayu terbina melalui pelaksanaan tiga rumus penyukuan yang dilakukan secara berurutan, iaitu (i) rumus pembinaan nukleus, (ii) rumus pembinaan onset, dan (iii) rumus pembinaan koda. Zaharani (2006) menjelaskan bagaimana proses penyisipan *schwa* berlaku dalam bahasa Melayu dengan mengemukakan derivasi yang berikut:


4. Derivasi yang menunjukkan kemunculan varian *menge-*
 - a. Representasi dalaman dengan struktur suku kata



- b. Rumus penyisipan *schwa*



- c. Rumus penyukuan semula




MEMASYARAKATKAN KAJIAN MORFOLOGI DALAM DUNIA MELAYU


Representasi (4a) di atas menunjukkan segmen nasal /ŋ/ <ng> tidak boleh dihubungkan dengan mora dan menjadi koda suku kata kerana ia tidak berhomorgan dengan konsonan obstruen yang berikutnya. Syarat koda suku kata bahasa Melayu menetapkan bahawa hanya konsonan nasal yang homorgan sahaja boleh berada di posisi koda suku kata. Justeru, salah satu cara untuk memastikan konsonan nasal dan mora boleh dihubungkan dengan suku kata ialah dengan menyisipkan vokal *schwa* (4b). Vokal *schwa* ini kemudiannya dihubungkan dengan mora dan seterusnya membina satu suku kata baharu. Kehadiran suku kata ini mendorong konsonan nasal /ŋ/ <ng> dihubungkan dengan onset melalui rumus penyukuan semula (4c).

Dalam kes yang membenarkan konsonan nasal /ŋ/ <ng> disukukatakan di posisi koda, maka dengan sendirinya rumus penyisipan *schwa* tidak diperlukan. Berdasarkan analisis ini, kita dapat menelaah dengan tepat, iaitu penggabungan awalan /məŋ-/ dengan kata dasar /gam/ akan menghasilkan bentuk terbitan [məŋgam] <menggam> dan bukannya *[məŋəgam] <mengegam>. Proses derivasi yang menghasilkan kata [məŋgam] <menggam> adalah seperti yang berikut:

5. Derivasi yang menunjukkan kemunculan varian *meng-*
 - a. Representasi dalaman dengan struktur suku kata



- c. Rumus pembinaan koda



Berbeza dengan kes (4a) sebelum ini, konsonan nasal /ŋ/ <ng> dalam (5a) di atas berhomorgan dengan konsonan /g/ yang berikutnya, dan oleh sebab itu, ia boleh dihubungkan dengan mora dan disukukatakan sebagai koda suku kata. Apabila proses penyukuan telah lengkap dan sempurna, iaitu semua segmen melodi dan mora telah dihubungkan dengan nodus suku

kata, maka dengan sendirinya rumus penyisipan *schwa* tidak diperlukan. Dengan analisis yang sama, kita dapat menjelaskan bahawa kata dasar yang bermula dengan konsonan velar /x/ dan /k/ seperti /xas/ <khas> dan /kod/ <kod> direalisasikan sebagai [məŋxaskan] <mengkhaskan> dan [məŋkod] <mengkod>. Dalam kes [məŋhadkan] <menghadkan>, sungguhpun rangkap /ŋ/ dan /h/ itu tidak berhomorgan, namun kewujudan rangkap tersebut dibenarkan dan dianggap tidak melanggar kekangan syarat koda bahasa Melayu (contohnya [məŋhantar] <menghantar>, [məŋhasut] <menghasut>, dan lain-lain).

Dalam kosa ilmu fonologi dan morfologi, proses penyisipan vokal ialah satu proses yang alamiah dan berlaku dalam banyak bahasa. Misalnya, penyisipan vokal /i/ berlaku dalam bahasa Arab Cairene (contohnya /ʔul-t-lu/ → [ʔultilu] “saya beritahu dia (lelaki)” dan bahasa Arab Iraq (contohnya /gil-t-la/ → [giltila] “saya beritahu dia (lelaki)”, penyisipan vokal /u/ berlaku dalam bahasa Iceland (contohnya /hest-r/ → [hestur] “kuda (nominatif)” (Kenstowicz, 1994), dan penyisipan /i/ berlaku dalam bahasa Lenakel (contohnya /r-n-ol/ → [rinol] “dia (lelaki) telah melakukannya” (Roca dan Johnson, 1999). Seperti yang dapat dilihat, semua proses penyisipan vokal yang berlaku dalam bahasa berkenaan bukan disebabkan oleh kekangan satu suku kata tetapi didorong oleh kekangan penyukuan kata.

Memasyarakatkan Kajian Morfologi

Seperti yang telah dinyatakan, kata memasyarakatkan membawa maksud menyebarkan sesuatu agar maklumat mengenainya dimaklumi, diketahui, difahami, dihayati dan diamali secara menyeluruh oleh masyarakat. Pada hemat saya, kajian morfologi yang mudah tersebar dan meresap masuk ke dalam masyarakat mestilah kajian yang menghurai dan menjelaskan bahasa yang diketahui dan disenangi oleh mereka, iaitu pertuturan yang lazim mereka dengar dan gunakan dalam kehidupan sehari-hari. Selain itu, kajian morfologi yang ingin dimasyarakatkan itu pula perlulah bermatlamatkan untuk melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan. Kesemua ini berhubung rapat dengan gagasan linguistik korpus dan linguistik hipotetiko-deduktif yang dihuraikan sebelum ini.

Pada hemat saya, tugas memasyarakatkan kajian morfologi ini adalah tanggungjawab masyarakat Melayu umumnya, dan pengkaji bahasa dan institusi yang terlibat dengan hal-hal kebahasaan khususnya, seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Akademi Pengajian Melayu, dan Institut Alam dan Tamadun Melayu. Dalam usaha memasyarakatkan kajian

morfologi bahasa Melayu ini, sekurang-kurang terdapat empat cara untuk menyebarkanluaskannya, iaitu (i) penyebaran melalui persidangan, (ii) penyebaran melalui penerbitan, (iii) penyebaran melalui pengajaran, dan (iv) penyebaran melalui portal.

Penyebaran Melalui Persidangan

Sesuai kajian morfologi bermula dengan penyelidikan yang dilakukan oleh seseorang pengkaji ataupun sekumpulan pengkaji. Apabila hasil dapatan telah diperolehi, langkah pertama untuk memasyarakatkannya adalah dengan membentangkan hasil dapatan tersebut dalam persidangan, khususnya persidangan bahasa. Persidangan dalam konteks ini meliputi seminar, konferensi, bengkel, ceramah dan sebagainya. Oleh sebab sasaran pemasyarakatan ini ialah dunia Melayu, maka persidangan itu haruslah diadakan di dunia Melayu dan disampaikan dalam bahasa Melayu.

Penyebaran ilmu melalui persidangan boleh dianggap sebagai penyebaran maklumat secara lisan dan bersemuka. Pendekatan ini lebih berkesan kerana sekiranya timbul kekeliruan dan ketidakfahaman, maka penerangan dan penjelasan dapat dilakukan secara terus dan spontan. Selain daripada bertujuan untuk berkongsi dan menyebarkan maklumat, pembentangan kertas kerja dalam persidangan boleh membantu pengkaji membuat penambahbaikan melalui ulasan, komen, cadangan, teguran, dan saranan yang diberikan oleh para peserta persidangan. Melalui perbincangan juga pengetahuan kita tentang hal-hal yang berkaitan dengan bahasa akan bertambah dan berkembang.

Institusi atau organisasi yang terlibat dengan hal kebahasaan perlu sering menganjurkan persidangan agar penyebaran ilmu dapat disampaikan. Pada pemerhatian saya, kebanyakan persidangan bahasa hari ini agak eksklusif sifatnya. Para peserta biasanya terdiri daripada pakar bahasa, pengkaji bahasa, para pensyarah dan pelajar siswazah dari institusi pengajian tinggi, dan bilangannya pun agak sederhana. Kumpulan ini hanya mewakili sebahagian daripada anggota masyarakat. Peserta persidangan seharusnya lebih menyeluruh mewakili semua lapisan masyarakat. Untuk menggalakkan penyertaan masyarakat yang pelbagai lapisan ini, persidangan yang dianjurkan itu mungkin perlu dibezakan. Misalnya, ada persidangan yang bersifat ilmiah, seminar yang separa ilmiah, dan ceramah yang bersifat umum.

Penyebaran melalui Penerbitan

Hasil kajian yang baik dan menarik perlulah diterbitkan agar bahan tersebut dapat dipustakakan dan dibaca oleh orang ramai. Penulisan yang bersifat ilmiah biasanya diterbitkan dalam bentuk buku dan juga jurnal. Sasaran utama penerbitan sebegini adalah untuk golongan menengah yang berpendidikan, yang suka membaca dan mendapatkan pengetahuan. Bagi memastikan penyebaran ilmu menyerap ke dalam masyarakat, proses penerbitan buku dan jurnal harus dipercepat dan dikerapkan. Jika penerbitan sesebuah buku mengambil masa sehingga dua atau tiga tahun, dan penerbitan jurnal pula dikurangkan, tentulah usaha kita untuk menyebarkan ilmu tidak akan berjaya.

Kita sedar bahawa kos penerbitan bahan bercetak seperti buku dan jurnal ini memang tinggi, sedangkan hasil pulangnya tidak begitu menguntungkan. Kita tidak boleh menjadikan alasan ekonomi untuk tidak menerbit atau mengurangkan bahan penerbitan yang berguna untuk membina masyarakat yang berilmu dan bertamadun tinggi. Badan-badan berkanun dan badan korporat perlu membiayai kos penerbitan sebagai satu tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

Apabila kita berbicara tentang penerbitan, kita tidak seharusnya tertumpu pada penerbitan bercetak sahaja. Ledakan teknologi maklumat hari ini telah mencetuskan satu dimensi baharu dalam dunia percetakan, iaitu penerbitan secara elektronik melalui penggunaan komputer. Kebanyakan jurnal ilmiah dewasa ini diterbitkan secara dalam talian. Penerbitan secara dalam talian ini lebih baik dari segala aspek – prosesnya cepat, kosnya murah, penyebarannya luas dan pencapaiannya mudah. Proses penerbitan menjadi cepat kerana editor tidak perlu menunggu kesemua artikel selesai disunting baru boleh diterbitkan. Makalah boleh dimuat turun secara berperingkat-peringkat menurut kaedah yang dahulu didahulukan dan yang kemudian dikemudiankan. Misalnya, pada bulan ini dua makalah dimuat turun, dan pada bulan berikutnya dua lagi makalah ditambah, dan begitulah seterusnya. Akhirnya, jurnal tersebut akan menghasilkan belasan atau puluhan makalah dalam setahun. Kos penerbitan juga murah kerana tiada bahan pakai habis digunakan. Penyebarannya luas kerana ia boleh dicapai di mana-mana sahaja pengguna berada.

Walaupun penerbitan secara dalam talian ini telah berkembang maju, namun cara ini tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat di dunia Melayu. Tinjauan ringkas saya mendapati jurnal-jurnal dalam talian yang berkaitan dengan kajian sains sosial umumnya, dan bahasa khususnya

MEMASYARAKATKAN KAJIAN MORFOLOGI DALAM DUNIA MELAYU

amat sedikit sekali jumlahnya. Di UKM, misalnya terdapat tiga jurnal dalam talian, iaitu *Bangi e-Jurnal* (<http://pkukmweb.ukm.my/~ebangi/>) yang menerbitkan kajian-kajian yang berkaitan dengan sains sosial, *GEMA online* (<http://www.fbahasa.ukm.my/linguistics/Gema/GemaHome.html>) dan *Sari Online Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* (<http://www.malaycivilization.com>) yang menerbitkan hasil kajian yang berkaitan dengan bahasa, sastera dan budaya.

Penerbitan jurnal, sama ada secara bercetak atau elektronik masih terbatas penyebarannya kerana golongan sasarannya tertumpu pada masyarakat yang berpendidikan tinggi. Masyarakat umum tidak boleh memahaminya kerana bahasa penyampaiannya terlalu akademik. Untuk pembaca umum yang merupakan kumpulan terbesar dalam masyarakat, hasil kajian ini perlu dipermudah penyampaiannya agar bersifat mesra pembaca, dan diterbitkan dalam akhbar harian perdana seperti *Berita Harian* atau *Utusan Malaysia*. Usaha DBP menghasilkan sisipan *Klik DBP* dalam akhbar *Berita harian* pada hari Rabu, minggu ketiga setiap bulan ialah satu langkah yang bijak dan berkesan dalam memasyarakatkan bahasa Melayu. Saya percaya ruangan yang ditulis oleh pakar bahasa dan penyelidik DBP boleh menarik minat pembaca dan seterusnya akan menambah ilmu pengetahuan mereka tentang bahasa Melayu.

*Klik DBP*³ bermula pada tahun 2003 dengan hanya dua kali terbitan setahun, iaitu pada 15 September sempena dengan pelancaran Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN) dan pada 15 Disember 2003. Pada tahun 2004, penerbitannya meningkat kepada enam kali setahun, iaitu setiap dua bulan sekali. Pada tahun 2005 hinggalah sekarang, sisipan ini diterbitkan sebulan sekali kerana permintaan dan sambutan yang sungguh menggalakkan daripada pembaca. Sekiranya pihak DBP mempunyai dana yang mencukupi, pengeluaran sisipan ini mungkin boleh diperkerapkan lagi kepada dua kali sebulan agar impaknya lebih berkesan.

Apa yang disarankan di atas hanyalah cadangan dan langkah yang perlu dilakukan sekiranya kita serius untuk memartabatkan dan memasyarakatkan bahasa Melayu. Namun, realiti yang berlaku pada hari ini adalah sebaliknya. Pihak institusi, misalnya, mengurangkan bilangan penerbitan jurnal kerana penjualannya tidak membawa pulangan ekonomi yang menguntungkan. Ini terjadi pada *Jurnal Dewan Bahasa* terbitan

3 Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Puan Rohayu Ismail, pegawai Bahagian Pengembangan Bahasa Melayu DBP yang sudi memberikan maklumat tentang sejarah perkembangan sisipan *Klik DBP*.

ZAHARANI AHMAD

DBP yang asalnya diterbitkan secara bulanan kemudiannya ditukar nama menjadi *Jurnal Bahasa* dan diterbitkan empat kali setahun, dan akhirnya dikurangkan lagi menjadi hanya dua kali setahun.

Selain itu, bagi kebanyakan pengkaji bahasa, khususnya penyelidik dari institusi pengajian tinggi negara lebih suka menerbitkan hasil kajian mereka di dalam jurnal luar negara yang tergolong dalam jurnal yang berimpak tinggi, dan disampaikan pula dalam bahasa Inggeris. Penulisan dalam bahasa Inggeris mempunyai KPI (*Key Performance Index*) yang tinggi dan menjadi kriteria utama untuk tujuan kenaikan pangkat para pensyarah. Pada masa yang sama KPI ini juga penting untuk tujuan *ranking* dan *rating* universiti di peringkat antarabangsa. Sekiranya dasar ini berterusan, saya percaya hasrat kita untuk memasyarakatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu hanya tinggal angan-angan, dan tidak mungkin menjadi kenyataan.

Penyebaran melalui Pengajaran

Seseorang penutur natif memperoleh bahasa ibundanya sejak dari kecil melalui sosialisasinya dengan masyarakat. Pemerolehan bahasa ini berlaku secara alamiah dan tidak formal. Selain itu, penutur natif juga menguasai bahasa ibundanya hasil daripada pengajaran dan pembelajaran bahasa di sekolah atau di institusi pengajian tinggi. Objektif utama pendidikan di institusi pengajian tinggi adalah untuk melahirkan mahasiswa yang berfikir. Sehubungan dengan itu, kaedah pengajaran harus berubah, daripada pengajaran berpusatkan pensyarah kepada pengajaran berpusatkan pelajar. Pelajar digalakkan mencari, meneliti dan merumus sendiri tentang sesuatu aspek nahu dalam sistem bahasa yang dipelajari. Pada masa yang sama pelajar juga digalakkan mengulas, mengupas dan membahaskan sesuatu isu yang berkaitan dengan bahasa.

Kebanyakan pengajaran bahasa hari ini, terutamanya pengajaran bahasa Inggeris, guru melaksanakan pembelajaran berpacuan data (*data-driven learning*), khususnya data korpus. Johns (1991) menegaskan teori asas di sebalik pembelajaran berpacuan data ini adalah untuk menggalakkan pelajar bertindak sebagai “penyiasat bahasa”, iaitu mencari dan merumuskan sendiri fakta-fakta yang berkaitan dengan bahasa yang dipelajari mereka berdasarkan contoh penggunaan bahasa yang autentik. Pendekatan ini mendorong para pelajar melakukan penelitian dan kajian sendiri dan cuba memahami bagaimana sistem bahasanya beroperasi. Ini secara langsung akan melahirkan mahasiswa yang berfikir dan tidak

sekadar menghafal rumus tatabahasa yang disediakan oleh penahu sebelum ini. Budaya mengkaji, meneliti dan berfikir ini harus disemai di peringkat sekolah dan di universiti lagi barulah akhirnya budaya tersebut tertanam dan tersemat dalam diri anggota masyarakat.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran nahu di sekolah dan juga di institusi pengajian tinggi hari ini, para pelajar diajar dan perlu menguasai dan patuh kepada *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah, 1989) yang dianggap sebagai nahu pegangan. Nahu pegangan ini kadangkala bersikap preskriptif. Pendekatan preskriptif menekankan peraturan betul salah penggunaan bahasa dalam masyarakat. Bentuk yang tidak mematuhi rumus yang ditetapkan dianggap salah dan tidak gramatis, walaupun penggunaannya agak meluas dan produktif seperti yang terbukti dalam data korpus. Pendekatan preskriptif didapati bertentangan dengan pendekatan linguistik hipotetiko-deduktif kerana ia tidak menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembinaan ilmu baharu. Justeru, hasrat kita untuk melahirkan pelajar yang bertindak sebagai “penyiasat bahasa” dan seterusnya melahirkan mahasiswa yang berfikir tidak akan berjaya.

Penyebaran melalui Portal

Seperti yang kita sedia maklum, kajian tentang bahasa Melayu, sama ada aspek fonologi, morfologi, sintaksis, dialektologi dan sebagainya telah banyak dilakukan oleh pengkaji sebelum ini. Namun, hasil kajian ini tersimpan di merata perpustakaan dan dimanfaatkan oleh sebilangan kecil pengguna atau pembaca sahaja. Dengan kata lain, penyebaran ilmu melalui perpustakaan tidak membawa impak yang tinggi dalam usaha memasyarakatkan kajian linguistik Melayu. Justeru, konsep kepustakaan ilmu dewasa ini perlu berubah.

Kemajuan teknologi maklumat hari ini, khususnya penggunaan komputer membantu kita untuk menyimpan, mengurus, menyebar dan mendapatkan maklumat dengan cepat dan tepat melalui pembinaan portal bahasa. Portal ini akan menyediakan maklumat tentang pengkajian bahasa Melayu di hujung jari anda. Pada pengetahuan saya, satu-satunya portal yang mengumpul dan menyimpan maklumat tentang pengajian Melayu dan termasuklah aspek bahasa terdapat di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia. Portal ini boleh dicapai melalui alamat yang berikut: www.malaycivilization.com.

Pangkalan data yang pertama dibina dalam portal ini diberi nama PADAT (Pangkalan Data Alam Melayu) yang di dalamnya terkandung

artikel atau makalah individu yang membicarakan pelbagai tajuk tentang pengajian Alam Melayu. Sehingga tahun 2005, PADAT telah mengumpul lebih kurang 65 000 buah tajuk artikel (Ding, 2008). Selain PADAT, portal ini juga mengandungi 14 pangkalan data yang lain, iaitu (i) Adat Papatih, (ii) *Borneo Homeland*, (iii) Karya Jawi, (iv) *N. A. Halim's Collection*, (v) *Malay Dictionary of End Syllable*, (vi) *Malay Dictionary by Non-Malays*, (vii) *Sari Online*, (viii) Peribahasa (*Malay Proverbs*), (ix) Pantun Baba, (x) 1 Juta Pantun Melayu, (xi) *Tenas Effendy's Collection*, (xii) *Za'ba's Collection*, (xiii) Koleksi Khas Yang Quee Yee, dan (xiv) *The Theory of Language Koineization*.

Portal ini bersifat mesra pengguna dan carian maklumat boleh dibuat dengan menaip sama ada nama pengarang, tajuk artikel, atau kata kunci bagi bidang tertentu di ruangan yang disediakan. Setelah selesai ditaip, papan paparan akan menyenaraikan maklumat bibliografi bagi bahan tersebut seperti nama pengarang, tajuk artikel, sumber, tahun terbitan, penerbit dan juga nombor perolehan (*accession number*). Buat masa ini, PADAT tidak memaparkan imej digital teks tersebut kerana ini berkaitan dengan masalah hak cipta. Namun, pengguna boleh mendapatkan teks yang lengkap dengan menghubungi ATMA dan menyertakan sekali nombor perolehan bahan berkenaan. Pangkalan data bagi 14 subbidang yang lain itu lengkap dengan imej digitalnya kerana bahan tersebut tidak melibatkan hak cipta. Justeru, pengguna boleh mendapatkan maklumat yang dicari secara terus di dalam talian. Pada masa ini, pengguna boleh mengakses portal ATMA dengan mendapatkan kata laluan secara percuma. Sekiranya terdapat portal sebegini di mana-mana, ada baiknya portal-portal tersebut dirangkaikan antara satu sama lain.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kajian morfologi bahasa Melayu yang sesuai untuk dimasyarakatkan ialah kajian yang menjurus kepada pengembangan dan pembinaan ilmu, dan pengkajian itu pula mestilah berdasarkan data yang merepresentasikan penggunaan sebenar bahasa oleh penutur Melayu. Sehubungan dengan itu, kajian morfologi hari ini digalakkan menerapkan dua pendekatan yang berikut, iaitu pendekatan linguistik korpus dan pendekatan linguistik hipotetiko-deduktif. Bagi tujuan memasyarakatkan hasil dapatan kajian yang diperoleh, empat strategi diutarakan, iaitu penyebaran melalui persidangan, penerbitan, pendidikan dan penggunaan portal.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1974. *The Morphology of Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbak Othman, 1981. *Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Asmah Haji Omar, 1980. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asraf, 1989. *Petunjuk Bahasa Malaysia Baku KBSM*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Biber, D., Conrad, S. dan Reppen. R., 1998. *Corpus Linguistics: Investigating Language Structure and Use*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Crystal, D., 1980. *A First Dictionary of Linguistics and Phonetics*. London: Andre Deutsch.
- Darwis Harahap, "Parafraza Kata Kerja (Bahagian II)" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 38:6, hlm. 538 – 551, 1994.
- Ding Choo Ming, "Visibility and Sustainability of Malay World Indigenous Information: Opportunities and Challenges Part 2" dlm. *Resonance UKM International Bulletin* 19, hlm. 14 – 17, 2008.
- Harimurti Kridalaksana, "Kata Majmuk A+B=AB" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 25:2, hlm. 11 – 20, 1981.
- Hashim Haji Musa, 1993. *Binaan dan Fungsi Perkataan dalam Bahasa Melayu: Suatu Huraian dari Sudut Tatabahasa Generatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johns. T., "Contexts: the Background, Development and Trialling of a Concordance-based CALL Program" dlm. Wichmann *et al.* (ed.) 1997. *Teaching and Language Corpora*. London: Longman.
- Kamus Bahasa Malaysia* (Edisi Pelajar), 1984. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Bahasa Malaysia* (Terbitan Khas KBSM), 1988. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*, 1970. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan* (Edisi Baru), 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan* (Edisi Keempat), 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kenstowicz, M., 1994. *Phonology in Generative Grammar*. Cambridge: Blackwell.
- Leech, G., "Corpora and Theories of Linguistic Performance" dlm. Jan Svartvik (ed.) 1992. *Directions in Corpus Linguistics*. Proceedings of Nobel Symposium 82. Stockholm: Mouton de Gruyter.
- Liaw Yock Fang, 1985. *Nahu Melayu Modern*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Lutfi Abas, "Kata Majmuk" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 26:11, hlm. 911 – 929, 1982.

ZAHARANI AHMAD

- Maizatul Akmar Mohd Amin, Kata Majmuk Bahasa Melayu: Persoalan ciri. *Jurnal Bahasa*. 1(3):48–53, 2001.
- Mashudi Kader dan Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin, “Proses Morfologi Bahasa Melayu: Satu Penelitian Semula” dlm. *Jurnal Bahasa* 6:1, hlm. 119 – 147, 2006.
- Mohd Ra’in Shaari, 2003. “*Perilaku Morfosintaksis Imbuhan meN-kan Bahasa Melayu*”. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 1989. *Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roca, I. Dan Johnson, W., 1999. *A Workbook in Phonology*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Starosta, S., 1987. *Generative Grammar: The Hypothetico-Deductive Science of Language*. Taipei: The Crane Publishing Company.
- Za’ba, 1947. *Pelita Bahasa Melayu, Penggal 1* (Edisi ke-4). Kuala Lumpur: Standard Engravers & Art Printers.
- Za’ba, 2000. *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1-III* (Edisi Baru). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad, “Masalah Awalan Nasal Rangkap dalam Bahasa Melayu” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 34:6, hlm. 427 – 433, 1990.
- Zaharani Ahmad, “Awalan Kata Nama peN, peR-, Pe- Bahasa Melayu: Masalah dan Penyelesaian” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 36:9, hlm. 869 – 881, 1992.
- Zaharani Ahmad, “Penggandaan Separa Bahasa Melayu: Suatu Analisis Autosegmental” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 44:7, hlm. 722 – 736, 2000.
- Zaharani Ahmad, “Isu morfologi Bahasa Melayu: Kata Dasar yang Tidak Boleh Digandaseparakan” dlm. *Jurnal Bahasa* 1:1, hlm. 1 – 18, 2001.
- Zaharani Ahmad, 2005. *Phonology-Morphology Interface in Malay: An Optimality Theoretic Account*. Pacific Linguistic: Australia National University.
- Zaharani Ahmad (ed.), 2006. *Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaharani Ahmad, 2007. Penyelidikan dalam bidang morfologi. *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke 3*. Universiti Putra Malaysia.
- Zaharin Yusoff, 1989. Imbuhan –i: Suatu pendekatan parafrasa. *Jurnal Dewan Bahasa*. 33(9):568–580.
- Zaidi Ismail. 2008. Kata Majmuk Bahasa Melayu: Bentuk Berdasarkan Data Korpus. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaiton Ismail dan Nor Hashimah Jalaluddin, 2005. Kata majmuk dalam perkamusan: satu analisis semantic dan pragmatic. *Jurnal Bahasa*. 5(4):173–200.
- Zubaidi Abas, 2000. Pemajmukan: Kaedah Pembentukan Istilah yang produktif. *Jurnal Dewan Bahasa*. 44(9): 937–950.